

## BAB DUA

### TINJAUAN PENULISAN DAN KAJIAN BERKAITAN

#### 2. 1 Pengenalan

Bab ini akan berfokuskan kepada penulisan dan kajian yang telah dijalankan di dalam dan di luar negara mengenai faktor mendorong penyalahgunaan bahan ( Substance abuse ) di kalangan remaja , kesan kepada mereka dan masyarakat serta cara mengatasinya .

#### 2. 2 Pandangan Terhadap Remaja

Kebanyakan masyarakat berpendapat remaja adalah golongan yang penuh dengan masalah atau penuh dengan konflik serta suka memberontak. Lebih lagi gambaran yang diberikan oleh filem , majalah dan akhbar mengukuhkan kenyataan ini. Menurut kajian Dorothy Rogers ( 1972 ), mengenai sifat yang dikaitkan dengan berbagai peringkat manusia yang diberi oleh orang Barat , remaja merupakan golongan yang bersifat terbuka , ingin tahu , keliru , murung , buruk , bersifat kritis dan kecewa .

Pandangan negatif ini bukan satu fenomena yang baru , kajian Coles dan Hall (1970 ) yang dikenali sebagai pengasas psikologi remaja , mendefinisikan masa remaja sebagai satu tempoh yang dipenuhi dengan tekanan dan ketegangan . Beliau percaya bahawa peringkat remaja merupakan peringkat paling kritikal dalam perkembangan manusia.

Freud (1958), seorang psiko – analisis telah membuat kajian mengenai perkembangan remaja dan mendapati bahawa remaja amat berpengaruh malah setanding dengan orang dewasa . Beliau berpendapat bahawa mengawal perasaan remaja bukanlah perkara yang mudah . Apabila perasaan ini menular semasa remaja dia terpaksa mencari jalan menahan atau mengawalnya . Cara yang paling ketara ialah remaja hendaklah mengawal dirinya dengan menolak semua keseronokan atau pergaulan yang bersifat negatif.

Remaja merupakan satu peringkat di mana berlakunya perubahan biologikal , kognitif dan sosial . Remaja menghadapi satu situasi yang baru , salah satunya ialah penyalahgunaan alkohol dan pelbagai jenis dadah . Mereka cuba bergantung kepada alkohol dan dadah untuk melepaskan diri mereka daripada segala perubahan dan menyesuaikan diri dengan rakan sebaya , persekitaran , keluarga dan sebagainya . Lama-kelamaan

penyalahgunaan ini akan membawa mereka kepada alam neraka dan melibatkan remaja dalam kegiatan delinkuensi .

### **2. 3 Penyalahgunaan Bahan ( Substance Abuse ) Di Kalangan Remaja**

Penggunaan dadah dan alkohol di kalangan remaja di seluruh dunia semakin bertambah dan amat menakutkan . Kajian Fraser ( 1987 ) menyatakan bahawa sebahagian besar pendapatan rakyat Amerika digunakan untuk membeli dadah , alkohol dan minuman yang boleh dikategorikan sebagai dadah. Hasil kajian beliau juga mendapati hampir setiap rumah di Amerika menyimpan kira-kira 30 jenis dadah . Manakala menurut Newcomb dan Bentler ( 1989 ) , United States merupakan sebuah negara yang digelar “budaya dadah” , ini adalah kerana pelbagai jenis dadah digunakan oleh pelbagai peringkat manusia sepanjang hari untuk pelbagai sebab . Pada waktu pagi , mereka perlukan kopi atau teh ; untuk melepaskan diri dari segala tekanan pada hari tersebut mereka menghisap rokok dan untuk rehat sebelum petang mereka memerlukan alkohol. Secara umumnya hidup mereka begitu bergantung kepada salah satu jenis dadah.

Dadah sebenarnya terdiri daripada bahan yang tidak mendarangkan bahaya seperitimana ia dibenarkan oleh pihak perubatan dan juga daripada

jenis yang ketagih dan merosakkan .Sebenarnya dadah itu ialah sebarang bahan yang memberikan kuasa kepada struktur dan fungsi organisma yang hidup disebabkan oleh corak kimia yang ada pada dadah itu . Antaranya termasuk dari jenis stimulan , iaitu daripada kumpulan dadah “amphitamine” yang mula dicipta pada tahun 1887 . Penggunaannya mendapat sambutan semasa Perang Dunia Kedua bagi menahan keletihan tentera dalam peperangan dan dadah ini dianggap sebagai pil segar . Wal hal dalam tahun 1960 –an para pelajar dan remaja mula menyalahgunakan pil ini untuk menyegarkan badan dan otak sehingga menjadi penagih .

Pil ubat tidur pula dicipta dalam tahun 1903 . Kegunaannya hanya di hospital dan klinik sahaja . Tujuannya ialah untuk mengurangkan tekanan mental atau menahan kesakitan dan bisa , dengan cara menidurkan si pesakit . Selain itu , alkohol , nikotin , narkotik , halusinogen dan beberapa jenis lagi semuanya membahaya . Umpamanya LSD yang boleh menukar pemikiran manusia dan tindakan yang luar biasa .

Para remaja hari ini kian gemar menggunakan pencair kimia yang boleh membuatkan mereka khayal . Dadah jenis ini jauh lebih murah daripada yang disebutkan di atas . Biji bunga “morning glory,” sejenis cendawan , ubat batuk, cat, gam dan minyak petrol adalah bahan yang boleh mengkhayalkan.

Bagi para remaja pula , bahan inilah yang sangat digemari mereka supaya mereka dapat lari dari dunia realiti.

Menurut Ketua Cawangan Antidadah Bandaraya , ( Berita Harian , 9 Julai 1987 ) , golongan pelajar dan belia yang paling ramai menjadi mangsa najis dadah di negara ini . Kadar ini semakin meningkat dari tahun ke tahun di mana sebilangan besar penagih dadah di negara ini adalah golongan pelajar dan belia yang berusia antara 15 hingga 29 tahun . Ini satu statistik yang menakutkan kita dan negara . Sebilangan besar remaja sekarang menjadikan ganja atau dadah sebagai teman karib yang mereka gelarkan dengan aneka panggilan .

Yu dan Williford , ( 1994 ) , menerusi kajian mereka terhadap individu-individu yang berada di penjara , program meminum dan memandu dan dari pusat rawatan alkohol; didapati bahawa seseorang yang bermula dengan bahan seperti rokok dan alkohol lama-kelamaan terbawa diri kepada bahan dadah seperti marijuana dan kokain . Mereka secara tidak langsung terlibat dalam aktiviti kriminal termasuk kesalahan terhadap harta benda seseorang. Tambahan pula , penggunaan alkohol dan kokain menyebakan peningkatan tingkahlaku kriminal yang berbahaya.

Walaupun merokok dan mengunyah tembakau secara tidak langsung merupakan deviant yang kecil , lama kelamaan tabiat ini merebak secara meluas dan pengguna tembakau terlibat secara aktif dalam gejala sosial . Tabiat yang dimulakan di peringkat awal akan membawa seseorang itu ke alam dewasa dan akan menjerumuskan mereka dalam penyalahgunaan dadah yang diharam . ( Chassin Presson , Shermon dan Edwards , 1990 ).

Schuckit, Klein, Twitchell dan Springer ( 1994 ) pernah mengkaji corak penggunaan alkohol di kalangan pelajar kolej semenjak tahun 1982 dan 1990 dan mereka mendapati bahawa tahap minuman berubah , pada masa yang sama kuantiti penggunaan dan kesan berkaitannya meningkat secara nyata dari awal hingga akhir masa . Walaupun pengkaji menfokuskan terhadap penggunaan bahan-bahan tertentu di kampus , kajian terbaru yang dijalankan oleh harvard Universiti terhadap 17,600 pelajar kolej dan universiti termasuk sejumlah sampel yang tidak meminum . Wechsler, Davenport, Dowdall, dan Moeykens (1994 ) mendapati sejumlah besar pelajar ialah berseronok meminum dan akibatnya 26% (perempuan sahaja ) terlibat dalam perhubungan seksual yang tidak diingini ; 15% terlibat dalam kerosakan harta benda dan 13% terlibat dalam pergaduhan dan penyerangan.

Walaupun langkah mengatasi gejala sosial ini disarankan oleh pelbagai pihak terutamanya dari agensi negeri dan persekutuan serta diberi sokongan kewangan , apa yang mendukacitakan ialah kebanyakan pelajar yang memasuki kolej kemungkinan besar mempunyai masalah penyalahgunaan dadah , alkohol dan sebagainya. Maka , satu kajian mendedahkan bahawa purata umur yang terlibat dengan alkohol ialah 10.3 tahun untuk lelaki dan 11.1 tahun untuk perempuan . ( Samson, Maxwell, dan Doyle, 1989 ). Maka ini menunjukkan betapa seriusnya penglibatan remaja di dalam penyalahgunaan bahan.

## 2.4

### Faktor Mempengaruhi Penyalahgunaan Bahan .

Kadar penglibatan remaja dalam penyalahgunaan bahan meningkat dari sehari ke sehari . Kebimbangan menjadi panik apabila usaha mengatasinya masih belum berkesan Imunasi terhadap nasihat dan pandangan sudah wujud . Para remaja hanya dapat melihat dan mendengar dengan deria fizikal sahaja . Tetapi hati mereka menjadi beku untuk menghayatinya . Maka kita mesti mencari asas agar gejala ini dapat dikurangkan. Asas yang dimaksudkan di sini ialah punca atau faktor yang menyebabkan para remaja tertarik kepada penyalahgunaan bahan tersebut. Menurut beberapa kajian lampau terdapat

beberapa faktor seperti ibu bapa, rakan sebaya, persekitaran, tekanan dan sebagainya .

#### **2.4.1 Ibubapa**

Dalam beberapa hal pengambilan dan penyalahgunaan dadah meminum minuman keras dan menghisap rokok terbentuk daripada perlakuan ibu bapa . Banyak kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang kuat minum arak akan menjadi kaki minum pula. Di Amerika, terdapat tiga jenis kumpulan pemimun, walaupun peringkat alkohol yang terdapat dalam minuman itu masih rendah. Kumpulan pertama terdiri daripada orang Itali-Amerika, kumpulan kedua orang Yahudi-Amerika dan kumpulan ketiga, orang Cina kantonis-Amerika. Ketiga-tiga kumpulan ini mula minum dari peringkat umur yang rendah, dan minum menjadi sebahagian daripada bahan makanan dan juga diamalkan waktu tertentu dalam perayaan. Walaupun minum alkohol dibenarkan, namun minum sampai mabuk tidak dibenarkan.

Tindakan ibu bapa sama ada meminum minuman keras atau menyalahgunakan dadah amat mempengaruhi anak remajanya. Daripada

beberapa kajian yang dibuat di Amerika Syarikat menyokong kenyataan ini, iaitu pengaruh ibu bapa merupakan faktor utama dalam menentukan tingkah laku anak-anaknya di dalam soal minuman keras, menghisap rokok dan dadah ini. Yang berbeza cuma alasan yang diberi.

Pengaruh ibu bapa dalam penggunaan tembakau oleh remaja didapati bahawa, kemesraan, kawalan dan penglibatan mereka secara umumnya sangat penting dalam mempengaruhi perkembangan remaja. Remaja dari keluarga sebegini selalunya tidak menggunakan tembakau atau menyalahgunakan dadah. Ini adalah kerana ibubapa mereka sentiasa berada di sisi mereka apabila remaja ini menghadapi masalah peribadi atau masalah sosial. Pengaruh ibu bapa yang positif juga membantu remaja untuk memiliki rakan sebaya yang mempunyai tabiat yang baik. Menurut Hundley dan Mercer ( 1987 ) remaja yang mempunyai hubungan yang kurang baik dengan ibubapa selalunya mudah terlibat dalam penggunaan tembakau. Kajian beliau juga membuktikan bahawa ibubapa yang terlibat dalam kegiatan antisosial ataupun menggunakan minuman keras, tembakau secara tidak langsung mempengaruhi anak-anak mereka . Maka hubungan dan pengaruh ibubapa sangat penting dalam pembentukan remaja yang baik .

Fungsi kekeluargaan dan tingkah laku mereka dalam penggunaan dadah secara tidak langsung mempengaruhi dan meningkatkan risiko pelajar terlibat dalam pengambilan dadah. Beberapa kajian menunjukkan secara nyata hubungkait ibu bapa dan kualiti keluarga dengan tingkah laku anak-anak dalam pengambilan dadah. Pengaruh ini termasuk penggunaan dadah oleh ibubapa. Menurut beberapa pengkaji barat remaja yang menggunakan dadah datang dari keluarga yang mempunyai batasan pergaulan di antara mereka dan ibu bapa serta dari kelurga yang terlalu autokratik.

Baumrind ( 1991 ) menurut kajian beliau ibu bapa yang mempunyai tabiat menghisap rokok, secara tidak langsung menjadi model dan mengukuhkan lagi perspektif anak-anak bahawa rokok sesuatu yang selamat digunakan . Maka tingkah laku ibu bapa juga menjadi faktor utama menyebabkan remaja terlibat dalam penyalahgunaan ini.

Coombs dan Paulson ( 1988), remaja yang tidak menggunakan dadah adalah datang daripada suasana yang mana ibu bapanya sentiasa memberi galakan, motivasi, keperihatinan, kawalan yang positif dan sentiasa membantu mengatasi masalah peribadi anaknya.

Peranan ibu bapa adalah faktor pemangkin dalam mempengaruhi tingkah laku anak-anaknya. Maka ibu bapa selalu memastikan bahawa tindak tanduk

mereka tidak akan memberi kesan negatif kepada anak-anaknya . Semailah di dalam jiwa mereka kasih sayang agar mereka membesar di dalam satu suasana yang penuh dengan nilai-nilai yang baik.

#### **2.42 Pengaruh Rakan Sebaya**

Pengaruh rakan sebaya juga merupakan salah satu faktor utama pada masa kini, yang mana faktor ini mempunyai pengaruh yang terlalu kuat terhadap remaja. Kebanyakan pengkaji mendapati bahawa penggunaan tembakau di kalangan rakan sebaya mempunyai signifikasi yang lebih kuat terhadap seseorang remaja untuk mempengaruhinya daripada ibubapa yang menggunakan tembakau ( Bauman dan Fisher, 1986).

Glynn dan Haenlein, (1988 ); menurut kajian mereka semasa remaja di peringkat awal , mereka kurang bergantung kepada keluarga . Sokongan ibu bapa dan strategi pengurusan juga berubah dan mereka lebih bergantung kepada rakan sebayanya . Proses pembesaran dan hubungan mereka dengan rakan sebaya secara tidak langsung melahirkan rasa mencubaatau menguji perkara baru terutamanya berkaitan dengan dadah dan tembakau.

Penyalahgunaan bahan di kalangan pelajar atau golongan remaja sering dikaitkan dengan ketua atau kumpulan pelajar yang radikal serta mereka yang

gagal di dalam pelajaran. Menurut kajian Spencer dan Navaratnam ( 1981 ), di Malaysia ,kebanyakannya penyalahguna dadah ialah terdiri daripada remaja yang mempercayai bahawa dadah akan menolong mereka untuk berehat, membuat diri seseorang lebih yakin dan selesa, serta mendapatkan lebih banyak kawan. Maka mereka berani mencuba sesuatu yang baru asalkan ia membawa mereka ke satu alam yang baru dan popular . Status popular ini membuatkan mereka lupukan daratan dan cuba mendapat sebanyak kawan yang boleh dengan apa cara juga pun .

#### **2.4.3 Faktor Peribadi ( Tekanan )**

Kajian yang dijalankan oleh Zitzow ( 1992 ) ke atas 1640 orang pelajar sekolah tinggi di Minnesota mendapati bahawa 21.8 peratus pelajar menyatakan bahawa mereka mengalami tekanan yang berpunca dari perpisahan yang berlaku antara ibu bapa mereka. Forman, Eidson dan Hagan ( 1983 ) dalam kajian yang mereka jalankan ke atas 94 orang pelajar berusia dua belas hingga sembilan belas tahun di Amerika dengan menggunakan ‘Adolescent life Change Event Scale’ mendapati bahawa perpisahan atau penceraian yang berlaku antara ibu dengan bapa mereka adalah merupakan faktor tekanan yang keempat paling utama selepas kematian ibu bapa, kematian adik beradik, dan kematian kawan rapat.

Pelsma ( 1988) menggariskan beberapa sikap ibu bapa yang menjadi punca tekanan kepada anak-anak tanpa memikirkan keupayaan mereka, memaksa anak-anak bersaing sesama mereka sehingga mengurangkan daya kreativiti anak-anak, bersikap terlalu mengongkong dengan menentukan apa yang anak-anak perlu lakukan dan tidak mahu bertolak ansur dengan anak mereka. Pernyataan ini disokong oleh dua orang pengkaji dari India iaitu Verma dan Gupta (1990) , di mana mereka menjalankan satu ke atas 250 orang pelajar dan mendapati sikap ibu bapa terhadap anak merupakan salah satu punca tekanan . Kajian Strubbe ( 1989 ) , mendapati bahawa pelajar yang mengalami tekanan mempunyai penghargaan kendiri yang rendah, terlibat dalam penyalahgunaan bahan tertentu dan aktiviti devian dan merasakan diri mereka tidak berkemampuan untuk mencapai apa yang diharapkan oleh ibu bapa ke atas mereka.

Fenshawe ( 1988 ) pula telah menjalankan kajian ke atas 1,644 orang pelajar sekolah menengah di Queensland dengan menggunakan ‘Australian Adolescent Problem Inventory’. Beliau mendapati bahawa peperiksaan yang akan dihadapi mendorong tekanan tinggi kepada pelajar berkenaan. Tekanan ini secara langsung mengganggu ketenteraman mereka, maka mereka cuba mencari ketenteraman dengan menghisap rokok atau pun lebih serius ialah mengambil dadah .

#### **2.4.4 Faktor Persekutaran**

Sikap ingin tahu merupakan salah satu motif umum yang menyebabkan ramai remaja melibatkan diri mereka dalam gejala ini. Green ( 1985 ) telah menjalankan satu kajian terhadap penggunaan marijuana dan hashish di kalangan remaja Israil . Menurut kajiannya sikap ingin tahu memainkan faktor utama menyebabkan mereka secara rela mencuba hashish dan marijuana . Ada yang memberitahu bahawa tujuan mereka mencuba bahan ini adalah untuk mengetahui kesannya, keseronokan dan mendapatkan keyakinan . Kajian beliau juga disokong oleh pengkajii seperti Hummu ( 1978 ) di mana sikap ingin tahu ini lama ke lamaan membuka jalan kepada sikap ketagih .

### **2.5 Pencapaian Akademik Di Kalangan Remaja Yang Terlibat Dalam Gejala Ini.**

Kebanyakan kajian yang dijalankan di merata tempat di dunia mendapati bahawa pelajar atau remaja yang terlibat dalam pengambilan dadah, tembakau, dan meminum minuman keras selalunya tidak menampakkan kecemerlangan dalam akademik. Pengaruh alkohol atau dadah-dadah lain secara tidak langsung memberi kesan buruk dalam akademiknya.

Kajian yang pernah dilakukan oleh Fisher dan Harrison, (1990 ), mendapati bahawa pelajar yang terlibat di dalam gejala ini mempunyai pencapaian akademik yang kurang memuaskan . Ini adalah kerana ketagihan mereka menyebabkan mereka mula ponteng kelas , tidak menumpukan perhatian pada pelajaran, kurang bersemangat dan bermaya dan kurang minat pada pelajaran dan sebagainya . Semua faktor ini secara tidak langsung menurunkan tahap pencapaian akademik mereka . Menurut kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Carney, Timms dan Stevenson ( 1972 ) terhadap 50 remaja yang menggunakan dadah di Dulbin, Ireland. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesemua sampel tersebut mempunyai pencapaian akademik yang kurang memuaskan dan mereka juga melibatkan diri dalam pelbagai masalah sosial.

Andrews,J., Smolkowski, K., Hops,Tildesley,E.,Ary,D.dan Harris,J. (1991) menurut kajian mereka pelajar yang menghindarkan diri daripada minuman keras dan dadah akan merasakan diri mereka terselamat dari segi psikologi dan sosial . Di antara golongan pelajar dan remaja yang tidak terjerumus dengan minuman keras terdiri daripada kumpulan berikut:

- 1 . Kejayaan akademik – pelajar yang cemerlang di dalam pelajaran biasanya tidak mudah melibatkan diri dalam minuman yang memabukkan.
- 2 . Minat di sekolah – pelajar yang berminat di dalam pelajaran atau kegiatan

kokurikulum biasanya tidak ada waktu untuk keluar meminum minuman memabukkan.

3. Penglibatan dalam sukan dan persatuan – pelajar yang melibatkan diri di dalam sukan dan persatuan jarang terlibat di dalam minuman keras.

Spencer dan Navaratnam ( 1981 ) menurut kajian mereka, pelajar yang terlibat dengan tabiat ini walaupun mempunyai aspirasi yang tinggi untuk masuk ke kolej atau universiti tetapi aspirasi mereka tidak menjadi kenyataan kerana tabiat buruk ini secara tidak langsung merosotkan prestasi akademik mereka dan harapan mereka . Kegagalan ini menjadikan mereka lebih aktif dengan gejala ini dan akhirnya memusnahkan diri dan masa depannya .

Daripada dapatan kajian yang dibincangkan dalam bahagian ini, dapatlah dirumuskan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyumbangkan kepada penyalahgunaan dadah , alkohol, tembakau dan sebagainya di kalangan remaja terutamanya di kalangan para pelajar .